

## **BAB PERTAMA**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 PENGENALAN**

Bab ini menjelaskan tentang latar belakang kajian yang bertempat di Desa Koto Dian Pulau Tengah. Bab ini juga menjelaskan tentang permasalahan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, definisi tajuk, kajian lepas, metodologi penelitian serta sistematik kajian.

#### **1.2 LATAR BELAKANG**

Secara umum, kajian ini berlatar belakangkan masyarakat di Desa Koto Dian Pulau Tengah. Semua masyarakat beragama Islam dan berpedoman kepada hukum Negara dan hukum adat istiadat atau yang disebut sebagai tradisi. Hukum adat adalah pemerintahan secara adat yang dipimpin oleh ketua besar agama dan ketua besar adat. Pemilihan ketua besar kerajaan dan ketua besar adat adalah melalui pilihan raya yang membolehkan pemimpin memerintah selama lima tahun.

Pendidikan dalam kehidupan sangat berfaedah bagi individu maupun masyarakat. Pendidikan Islam sangat penting kerana dengan adanya asas keagamaan dalam diri seseorang akan memperkuatkan dirinya tentang makna ketuhanan dan menumbuhkan rasa toleransi terhadap erti kehidupan seperti Islam mengajarkan pengikutnya cinta kepada Allah, manusia dan alam sekitar.

Pada umumnya, semua umat Islam telah mengenali al-Quran iaitu kitab suci umat Islam, kitab petunjuk dan kitab panduan bagi seluruh manusia amnya dan umat Islam khasnya,<sup>1</sup> tetapi segelintir sahaja yang memahami isi kandungannya termasuk apa yang diperintahkan dan apa yang dilarang. Pastinya semua ini mempunyai proses tersendiri iaitu pendidikan Islam yang tidak menyimpang atau sesat dari ajaran dan tuntutan Islam yang sebenar. Dari itu, pendidikan Islam adalah dasar pembangunan terutama sekali pembangunan modal insan yang mempunyai akhlak serta budi pekerti yang mulia. Berdasarkan tujuan pembangunan tersebut maka keperihatinan masyarakat sangat penting dalam pelaksanaan pendidikan Islam. Pelaksanaan pendidikan yang akan diterapkan memerlukan barang yang menyokong proses pendidikan bukan sekadar sektor ekonomi bahkan kerjasama khalayak ramai yang bersatu-padu.

### **1.3 PERMASALAHAN KAJIAN**

Pelaksanaan pendidikan di Desa Koto Dian, Pulau Tengah Kerinci sering berubah mengikut cara kehidupan masyarakat dan pertukaran generasi yang berhijrah untuk mencari rezeki dan menyambung pengajian sehingga pelaksanaan pendidikan bergantung kepada masyarakat semasa yang tinggal. Masalah yang tampak seperti pelajar yang berpindah ke tempat pengajian yang lain serta kurangnya minat pelajar remaja untuk mengaji, mereka seolah-olah malu untuk belajar. Pengajian di rumah-rumah guru dipenuhi dengan pelajar-pelajar, pengajian di surau atau masjid dipenuhi dengan orang dewasa dan orang-orang tua, lalu di mana tempat pengajian bagi golongan remaja? Apakah yang membuat kurangnya kemahuan mereka untuk ikut serta dalam pengajian? Pada waktu inilah mereka seharusnya mencari ilmu di mana mata, telinga,

---

<sup>1</sup> Mohd Yusuf Ahmad (2000), *Sejarah dan Kaedah Pendidikan al-Qur'an*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, h. 1.

pemikiran dan fizikal mereka dapat menguasai ilmu dengan mudah dan masa ini jugalah kemahiran mereka perlu diasah. Sebaliknya, masih ada segelintir mereka yang melibatkan diri dalam kenakalan remaja seperti mencuri, merokok, menghisap dadah, minum arak dan melepak di lorong-lorong dan tepi jalan. Hal ini tidak sepatutnya dilakukan oleh seorang muslim. Di sini, timbul persoalan mungkinkah sistem dan kaedah pendidikan yang salah? Apakah tidak ada keperihatinan ibu bapa atau masyarakat setempat? Ke manakah arah tujuan sebenar tempat-tempat pengajian ini diadakan? Persoalan yang timbul perlu dikaji baik pengajian Islam yang berbentuk formal mahupun yang tidak formal. Hal inilah yang menyebabkan penulis ingin menyelidiki pelaksanaan pendidikan Islam Desa Koto Dian. Hal ini penting apatah lagi generasi sekarang dipengaruhi oleh kemajuan teknologi yang tidak disertakan ilmu pengetahuan tentang agama yang sering membabitkan generasi muda terjebak dalam kehidupan yang tidak sesuai dengan tuntutan syarak.

Berdasarkan pandangan di atas, dapatlah disimpulkan bahawa pendidikan Islam sangat penting dilaksanakan untuk pembentukan manusia yang berkeperibadian mulia serta bertakwa. Ini bererti bahawa pendidikan agama sangat diperlukan dalam kehidupan tetapi apabila pendidikan agama itu kurang diberi perhatian serta kurangnya perhatian masyarakat untuk membina dan melaksanakannya, maka hal inilah yang akan menjatuhkan nilai takwa dalam kehidupan mereka sebagaimana firman Allah:

لَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَنَ فِي أَحْسَنِ تَقْوِيمٍ ﴿١﴾ ثُمَّ رَدَدْنَاهُ أَسْفَلَ سَافِلِينَ ﴿٢﴾ إِلَّا  
الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ فَأَهْمَرُ أَجْرُهُمْ غَيْرُ مَمْنُونٍ ﴿٣﴾ فَمَا يُكَذِّبُهُ بَعْدُ  
بِالْدِينِ

Maksudnya: “Sesungguhnya kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya (dan berkelengkapan sesuai dengan keadaannya).

*Kemudian (jika ia panjang umur sehingga tua atau menyalah gunakan kelengkapan itu), kami kembalikan Dia keserendah-rendah peringkat orang-orang yang rendah, kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh, maka mereka beroleh pahala yang tidak putus-putus. (jika demikian kekuasaanku), maka apa pula yang menjadikan engkau seorang pendusta, (berkata tidak benar) mengenai hari pembalasan, sesudah (ternyata dalil-dalil yang membuktikan kekuasaanku mengadakan hari pembalasan) itu?*

Surah at-Tin (95): 4-7

Menurut ayat ini, bahawa Allah s.w.t telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baik rupa dari segi fizikal iaitu otak untuk berfikir lebih bijak, hati dan segenap jiwa raga yang sempurna untuk membezakan ciptaan manusia dengan kejadian mahkluk lain. Tetapi dengan kurangnya ilmu pengetahuan agama menyebabkan mereka kurang beriman dan tidak beramal soleh yang menyebabkan mereka terperangkap ke tempat yang paling buruk dan yang paling rendah di dunia sampai ke akhirat kelak iaitu neraka. Inilah tanggungjawab seorang muslim dengan muslim yang lain untuk menuju takwa kepada Allah s.w.t. dan Rasullullah s.a.w.

Berdasarkan kenyataan tersebut, kajian ini dilakukan untuk mengetahui sejarah pendidikan Islam di Desa Koto Dian, Pulau Tengah yang bermula tahun 1947 hingga tahun 2009, kaedah yang digunakan guru semasa pembelajaran Islam, masalah-masalah yang ada semasa pembelajaran dan sejauhmana pencapaian pelajar terhadap aktiviti pendidikan Islam. Penepatan batasan tahun 1947– 2009 kerana tahun 1947 merupakan tahun peralihan dan perkembangan pendidikan, iaitu bermulanya penumbuhan pendidikan formal yang diambil alih kerajaan daripada pendidikan tidak formal. Tahun 2009 merupakan tahun penyelidikan dijalankan untuk mendapatkan maklumat.

## **1.4 OBJEKTIF KAJIAN**

- i. Menggambarkan sejarah masyarakat Islam di Desa Koto Dian dan ciri-ciri khasnya.
- ii. Mengkaji kaedah pendidikan Islam di Desa Koto Dian.
- iii. Mengkaji masalah-masalah yang dihadapi dalam proses pendidikan Islam di Desa Koto Dian.
- iv. Mengkaji pencapaian pendidikan Islam di Desa Koto Dian.

## **1.5 KEPENTNGAN KAJIAN**

Kajian ini dapat membuka minda dan maklumat pembaca terhadap aktiviti pendidikan Islam yang melibatkan semua lapisan masyarakat agar pendidikan Islam tetap diminati oleh orang ramai. Ini kerana kurangnya tindak balas sebahagian pemuda untuk mengikuti kegiatan ini dan fenomena yang sama juga mungkin berlaku terhadap masyarakat. Kajian ini juga boleh memberikan pengetahuan bagi negara amnya dan masyarakat khasnya terutama bagi penyelidik-penyalidik akan datang tentang sejarah dan pelaksanaan pendidikan Islam di Desa Koto Dian Pulau Tengah Kerinci.

Pelaksanaan pendidikan Islam tidak boleh dipisahkan dari kehidupan muslim kerana dengan adanya pembelajaran ilmu pengetahuan itu akan dilaksanakan sehingga ilmu pendidikan Islam tetap kukuh sebagai ilmu pengetahuan yang harus dikaji dan dilaksanakan yang dapat membentuk modal insan yang berwawasan tinggi dan cemerlang di semua bidang, menjadikan muslim yang kuat di antara umat yang lain serta seorang muslim berkeperibadian beriman dan bertakwa kepada Allah dan Rasulullah.

## **1.6 BATASAN KAJIAN**

Kajian ini terbatas pada sejarah masyarakat Islam Desa Koto Dian Pulau Tengah dan ciri-ciri khasnya. Kajian ini juga mengkaji pendidikan formal dan tidak formal, dari segi sejarah pendidikan Islam, kaedah pembelajaran yang digunakan semasa proses pembelajaran Islam, masalah yang dihadapi dan matlamat pelaksanaan pendidikan Islam yang berlaku sejak tahun 1947-2009 di Desa Koto Dian, Pulau Tengah, Kerinci, Jambi.

## **1.7 DEFINISI TAJUK**

### **1.7.1. Pendidikan**

Pendidikan adalah perihal mendidik, didikan, latihan dan ajaran.<sup>2</sup> Pendidikan merupakan proses untuk membentuk peribadi seseorang yang bertanggungjawab terhadap diri sendiri, orang lain, alam sekitar dan juga membentuk keperibadian yang bertanggungjawab terhadap pencipta alam serta seluruh isinya. Pendidikan berasal dari perkataan “didik”. Didik bererti pelihara, ajar atau juga dengan hati-hati. Pendidikan dimaksudkan sebagai “satu proses yang berterusan untuk menjaga dan memelihara pembesaran tubuh badan dan pertumbuhan bakat manusia dengan rapi supaya mereka dapat lahir sebagai orang yang berilmu, baik tingkah laku serta dapat mengekalkan nilai-nilai budaya di kalangan masyarakat”. Di dalam bahasa arab, pendidikan disebut **التربية** “**التربية**”. Perkataan ini berasal dari kata kerja “**ربى** – **يربى**” yang bererti tumbuh, berkembang, menuap dan memelihara. Para sarjana pendidikan Islam bersepakat

---

<sup>2</sup> Tengku Iskandar (2007), *Kamus Dewan*, ed. 4, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 350.

mengatakan bahawa perkataan “الحمد لله رب العالمين” dalam ayat “رب” memberi erti bahawa Allah selain sifatnya sebagai tuhan, Dia juga sebagai pendidik.

Di dalam bahasa inggeris pendidikan disebut “education”. Perkataan ini berasal dari perkataan latin “e, ex” yang bermakna “memimpin”. Setelah kedua-dua perkataan ini digabungkan menjadi satu, ia bermaksud sebagai “kumpulan maklumat ke dalam dan keluaran bakat”. Apabila perkataan tadi disebut sebagai “education”, ia bererti “*the external process of superior adjustment of the physically and mentally developed, free conscious human being to god as many fested in the intellectual, emotional and politional environment of human*”, (suatu proses abadi untuk menyesuaikan diri manusia yang bebas, insaf dewasa kejasmanian dan fikirannya itu dengan tuhan sepetimana yang ternyata dalam alam perasaan dan kemahuan manusia.<sup>3</sup>

Ahli-ahli pendidikan Islam meyakini bahawa pendidikan yang sebenar dan bersifat ideal ialah pendidikan *robbani* iaitu berpunca dari Allah s.w.t. Dengan kata lain, pendidikan manusia dalam semua aspek pembentukan sama ada dari segi jasmani, rohani, akal mahupun dari segi sosial, hendaklah bersumberkan al-Quran dan hadis Rasulullah s.a.w. Justeru itu, falsafah, konsep, serta matlamat pendidikan Islam berkait rapat dan sebatи dengan roh al-Quran serta perjalanan hidup para rasul khususnya cara hidup Rasulullah s.a.w.<sup>4</sup>

Dr Sobri Salamon dan Dr Haron Salamon dalam bukunya “masalah pendidikan Islam di Malaysia” berpendapat bahawa pendidikan yang baik dan tulen adalah

---

<sup>3</sup> Zamawi Ahmad (1984), *Pendidikan Islam: Kaedah dan Teknik Pengajaran*, Kuala Lumpur: Eskob Sdn. Bhd., h. 1.

<sup>4</sup> Abdullah Ishak (1995), *Pendidikan Islam dan Pengaruhnya di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 4-10.

pendidikan yang berteraskan kepada konsep tauhid, kerana dengan tauhidlah peribadi insan yang luhur dapat dibentuk dalam perpaduan antara ilmu, budi, jiwa dan amal-amal soleh. Untuk menjadikan sains dan teknologi, asas pembangunan negara yang lebih terjamin manfaatnya kepada manusia dan alam sekitar, sains-teknologi dan amal solih perlu ditanam dalam diri seseorang semenjak kanak-kanak.

### **1.7.2. Desa Koto Dian Pulau Tengah**

Desa adalah kampung di luar kota, dusun, udik, daerah pedalaman, kawasan, tempat.<sup>5</sup>

Desa Koto Dian Pulau Tengah adalah nama tempat penyelidikan yang akan dikaji.

### **1.7.3. Kerinci**

Kerinci berasal dari kata “kunci”. Kata ini menjelaskan bahawa daerah ini merupakan daerah yang tertutup atau terkunci oleh bukit. Pendapat lain menjelaskan kata kerinci berasal dari kata “kering” dan “cair”. Mereka menghubungkan lagenda Ting Bongkok Rajo bahawa dataran kerinci dahulu diibaratkan sebuah danau yang luas yang diapit oleh pergunungan yang sekitar kaki pergunungannya ditutupi oleh paya-paya. Apabila musim kemarau dataran menjadi kering yang menyebabkan dataran menjadi luas dan pada musim hujan menjadi cair menyebabkan lahan kering menjadi sempit. Kenyataan ini mereka sebut kering dan cair, dalam gabungan kedua-dua kata tersebut menjadi suku kata kerinci.<sup>6</sup>

---

<sup>5</sup> Tengku Iskandar (2007), *op.cit.*, h. 343.

<sup>6</sup> Idris Jakpar dan Indra Idris (2001), *Menguak Tabir Prasejarah di Alam Kerinci*, Kerinci: Departemen Kebudayaaan, h. 23.

Kerinci adalah nama salah satu enam daerah tingkat II dalam lingkungan provinsi Jambi, lengkapnya disebut “kabupaten/daerah tingkat II Kerinci”. Kerinci merupakan sebagai suku bangsa di tengah-tengah sekian banyak suku di Indonesia. Ia disebut Suku Kerinci, gunungnya disebut Gunung Kerinci, Danaunya (Tasik) disebut Danau Kerinci, adat istiadatnya disebut adat istiadat Kerinci atau adat sakti alam Kerinci, orangnya disebut orang Kerinci dan gelaran panorama alamnya dan ibu negeri kabupaten Kerinci (Sungai Penuh) disebut Kota Sakti Kerinci.<sup>7</sup> Untuk penjelasan tentang kabupaten kerinci dengan lebih jelas akan dipaparkan dalam bab dua.

## **1.8 KAJIAN LEPAS**

Bahagian ini akan membincangkan tentang kajian-kajian lampau tentang pelaksanaan pendidikan Islam. Hasil semakan terhadap kajian terdahulu didapati tajuk ini belum dikaji oleh penulis-penulis terdahulu atau semasa di mana tempat penyelidikan dan kajian terhadap pelaksanaan pendidikan agama Islam di desa tersebut belum pernah dibuat oleh mana-mana pelajar Akademi Pengajian Islam. Walau bagaimanapun, kajian terdahulu yang agak sinonim atau seumpama dengan tajuk kajian ini banyak membantu dalam menyiapkan disertasi ini sehingga selesai.

Secara umum, banyak buku-buku dan kajian yang telah dihasilkan oleh ahli-ahli akademik dan sarjana mengenai pelaksanaan pendidikan Islam dalam pelbagai aspek mengikuti pendekatan yang mereka gunakan. Di antara kajian-kajian yang berkaitan dengan tajuk ini atau yang seumpama dengannya adalah:

---

<sup>7</sup> Temu bual dengan Ismail Yunus, Kepala Desa Koto Dian Pulau Tengah Jalan Sawahan Desa Koto Dian Pulau Tengah.

- i. Yunasril bin Ali (2005), *Adat Bersandi Syara' Sebagai Pondasi Hubungan Masyarakat Madani di Kerinci-Jambi*. Sekolah Tinggi Agama Islam Negeri, Kerinci Press. Jambi. Kajian ini menyentuh adat-adat yang bersandi syara', yang menjadi dasar hukum dan tamadun masyarakat Kerinci dan tokoh-tokoh yang berpengaruh dengannya. Menurut Yunasril Ali, perkembangan Islam di Kerinci menampakkan makna yang signifikan pada masa Hj Abdul Latif iaitu pada abad ke-17 M. Dia dikatakan salah seorang murid dari Syeikh Abdul Rauf Singkil (w.1105/1693 M) yang menganut ajaran Tarikat Syatariyah dan bermazhab Syafii namun keterangan tentangnya sedikit.
- ii. Yulnenita Binti Harun (2008), *Tradisi Penyelenggaraan Jenazah di Pulau Tengah, Kecamatan Keliling Danau, Kabupaten Kerinci di Tinjau dari Hukum Islam*. Disertasi Jabatan Fiqh, Bahagian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Kajian ini mendedahkan tatacara penyelenggaraan jenazah di Pulau Tengah antara lain dengan talqin dan fidiyah yang merupakan amalan dan tradisi penyelenggaraan jenazah yang diajarkan secara langsung daripada sentuhan ajaran yang ditinggalkan oleh Tuan Guru Hj Ahmad Faqir. Kajian ini menjelaskan bahawa tidak terdapat percanggahan amalan ini dengan ajaran Islam. Namun dalam pelaksanaannya terdapat kekeliruan disebabkan ada di kalangan masyarakat yang mendalami ilmu agama dan hukum syara' serta faktor kekurangan buku atau rujukan secara khusus bagi amalan-amalan tradisi yang diamalkan dalam masyarakat, menyebabkan mereka mengamalkan sahaja secara warisan tanpa mengetahui nas dan dalilnya.
- iii. Darmadi Bin Saleh (2010), *Haji Ahmad Pakir Al-Kerinci: Sumbangan dan Pemikirannya terhadap Perkembangannya di Kerinci, Jambi, Indonesia*. Disertasi Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Bahagian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Kajian ini lebih menumpu tentang peribadi

seorang tokoh ulama dan pendidikan Islam iaitu Ahmad Faqir al-Kerinci yang nama sebenarnya Haji Ahmad bin Haji Bagindo Sutan yang dilahirkan pada tahun 1902 di Desa Koto Tuo Pulau Tengah pada zaman penjajahan Belanda. Kajian ini juga membahas sumbangan beliau terhadap sejarah pendidikan Islam di Desa Pulau Tengah termasuk Desa Koto Dian. Beliau didapati menguasai pelbagai ilmu pengetahuan. Pemikiran beliau dalam aspek sejarah pendidikan Islam tertumpu kepada pendidikan Islam bagi setiap individu dalam proses perkembangan bangsa dan negara. Di antaranya menjadikan masjid dan surau sebagai tempat ibadah dan ilmu pengetahuan dan menjadikan gedung pemuda sebagai tempat pengajian khas perempuan, pengasas Sekolah Agama serta mengajarkan agama pada masyarakat. Adapun ajaran beliau yang menjadi tradisi yang masih kekal sampai saat ini iaitu cara pengurusan jenazah dan mandi limau. Dari madrasah yang beliau asaskan ramai menghasilkan para ilmuan Islam dari Desa Koto Dian khasnya, Desa Pulau Tengah bahkan di Kabupaten Kerinci. Di antara tokoh pendidikan yang merupakan anak didik beliau di Desa Pulau Tengah adalah Hj Ismail Tenku Djie dan Mukhtar Syarif yang merupakan guru pendidikan Islam MI dan MTsN Desa Koto Dian. Hj Muhammad Lizin Saleh sebagai guru MTsN Desa Koto Dian dan Kiyai Hj Saleh Jamil Murabbi seorang pendakwah bebas yang cukup terkenal di Kabupaten Kerinci dan ramai lagi alummi dari madrasah yang beliau asaskan menjadi guru dan pegawai kerajaan di daerah provinsi Jambi.

- iv. Mohammad Zaki bin Daud (2003), *Pendidikan Islam di Sekolah Rendah Swasta: Suatu Kajian di Sekolah Rendah Islam Al-Amin*. Disertasi Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Bahagian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Kajian ini merangkumi perkembangan sistem pendidikan Islam di Malaysia sejak kedatangan Islam, zaman penjajah dan pasca

kemerdekaan melalui institusi pendidikan terawal yang berpusat di rumah, surau, masjid, istana kemudian didirikan pusat pengajian pondok, madrasah, sekolah agama, dan institusi pengajian tinggi. Kajian ini membahas tentang hala tuju sistem pendidikan yang dilaksanakan di Sekolah Rendah Islam al-Amin, Kuala Lumpur dan menilai usaha-usaha pendidikan yang dilaksanakan menepati sistem pendidikan yang dianjurkan Islam serta meneroka seluruh aspek pendidikan Islam.

- v. Nik Kamaliah Nik Abdullah (2006), *Tamadun Islam di Kelantan: Analisis Khusus Mengenai Pengaruh Sistem Politik ke Atas Pendidikan Islam antara Tahun 1957 sehingga tahun 2000*. Disertasi Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Kajian ini meneliti sejauhmana sistem politik ke atas sistem pendidikan Islam Kelantan. Kelantan ketika dahulu pernah menjadi pusat keilmuan yang terpenting di rantau ini dan melahirkan ramai ilmuan tersohor dan juga ditakbirkan oleh pelbagai aliran pemerintah yang menjadikan negeri ini agak unik dibandingkan dengan negeri-negeri lain di rantau ini. Penelitian ini memberikan gambaran bahawa salasilah politik memainkan peranan utama dalam menentukan survival pendidikan Islam. Kelantan juga mengutarakan faktor aliran Tajdid dari Timur Tengah turut membantu perkembangan sistem pendidikan Islam serta mewarnai sistem politik Kelantan. Kajian ini lebih membahas bagaimana tamadun Islam di Kelantan yang mencakupi semua aspek termasuk akidah, ibadah, pusat budaya, pengajian, pemancaran Islam, intelektualisme, percetakan, kesenian kebudayaan, pelancongan, pembangunan sepadau, pentakbiran dan ekonomi. Kajian ini juga membahas latar belakang sistem pendidikan Islam dan sejarah pembentukan intitusi-intitusi pendidikan, kemudian pengaruh sistem politik kepada sistem pendidikan Islam. Selain itu, kajian ini menggambarkan kegemilangan tamadun

- Islam di Kelantan sehingga melahirkan ulama yang terbilang dan menjadi pusat pendidikan Islam di rantau ini sehingga pengaruhnya ke dalam politik.
- vi. Fadzliyah Binti Khasim (2004), *Kesan Pendidikan Islam Terhadap Cara Hidup Pelajar: Suatu Kajian di Sekolah Menengah Kebangsaan Tengku Abdul Aziz, Simpang Empat Alor Star, Kedah*. Disertasi Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Bahagian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Kajian ini bertujuan untuk melihat kesan pendidikan Islam, sama ada dapat direalisasikan dalam kehidupan para pelajar ataupun tidak. Kajian ini bertujuan untuk melihat perkembangan dan masalah pengajaran dan pembelajaran matapelajaran pendidikan Islam diaplikasikan ke atas cara hidup pelajar di SMK Tengku Abdul Aziz. Majoriti pelajar SMK tersebut menyatakan pelajaran akhlak kerap diajarkan melalui pendidikan Islam. Matapelajaran pendidikan Islam banyak memberikan sumbangan kepada perkembangan sahsiah kerana dapat membuat pertimbangan moral yang baik. Walau bagaimanapun, sumbangan pendidikan Islam adalah paling sedikit terhadap perkembangan tingkah laku. Hal ini mungkin guru yang mengajar matapelajaran Islam lebih mementingkan nilai matapelajaran yang lain. Tajuk ini lebih menekankan kesan pendidikan Islam kepada corak kehidupan pelajar meskipun sumbangannya lebih sedikit daripada nilai yang lain.
- vii. Mohammad Ali Hasim (2002), *Pendidikan Islam KBSR: Asas Pembentukan dan Pelaksanaannya*. Disertasi Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Disertasi ini membincangkan sukatan pelajaran agama Islam 1977M dan sukatan pembelajaran agama Islam 1982M. Sukatan ini disatukan dengan mata pelajaran lain dalam KBSR (1982-1987) dan dilaksanakannya mulai tahun 1983 hingga tahun 1994 disemua sekolah rendah di seluruh negara. Ia menjelaskan bagaimana pendidikan Islam KBSR digubal

- bermula dari perancangan, pengubahan dan penyediaan bahan kurikulum KBSR baru. Reformasi dalam dasar pendidikan kebangsaan bertujuan mendokumentasikan pembentukan dan pelaksanaan pendidikan KBSR untuk dijadikan suatu rekod pendidikan Islam sekolah rendah yang boleh dibaca, dirujuk dan dinilai oleh pengkaji-pengkaji lain yang mana aspek kekuatan bolehlah dikekalkan dan aspek kelemahan boleh diperbaiki untuk kebaikan pelaksanaan pendidikan Islam masa hadapan.
- viii. Rahimah Hamad (2005), *Peranan KEMAS dalam Pendidikan Islam: Suatu Kajian di Kota Bharu, Kelantan*. Disertasi Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam. Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Disertasi ini lebih menjelaskan tentang peranan Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) dalam pendidikan Islam dengan memberikan tumpuan di negeri Kelantan dan membahas tentang kesan dari aktiviti yang dijalankan oleh jabatan KEMAS tersebut. Pendekatan kajian ini bercorak sejarah, perbandingan dan kritikan program yang dijalankan dalam penglibatan KEMAS terhadap pendidikan Islam yang telah dianjurkan. KEMAS merupakan salah satu agensi kerajaan yang melaksanakan program pendidikan Islam kepada masyarakat khususnya di negeri Kelantan yang membahas dua kategori iaitu: pertama, program bina insan yang merupakan pendidikan non-formal yang tumpuannya lebih diberikan kepada golongan dewasa. Kedua, pendidikan Islam TABIKA untuk kanak-kanak prasekolah yang berumur 4-6 tahun.

## 1.9 METODOLOGI KAJIAN

Dalam menyiapkan suatu kajian, seseorang penulis pasti mempunyai metode untuk sampai pada matlamatnya. Othman Mohammad menyatakan metodologi adalah

pendekatan yang digunakan dalam penyelidikan bagi mengumpul data.<sup>8</sup> Melalui kajian yang dilakukan ini, dua metodologi digunakan dalam usaha menuju kepada matlamatnya untuk menyiapkan penulisan kajian ini tepat pada waktunya iaitu metode pengumpulan data dan metode analisis data.

### **1.9.1 Metode Pengumpulan Data**

Data dikumpulkan melalui kajian perpustakaan dan kajian lapangan. Kajian perpustakaan merupakan salah satu cara yang digunakan untuk mendapatkan data-data melalui penelitian dan pengkajian ke atas dokumen-dokumen atau rekod. Dalam penyelidikan ini, penulis berkunjung ke beberapa buah perpustakaan untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan seperti:-

- i. Perpustakaan Utama Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- ii. Perpustakaan Peringkatan Za’ba Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- iii. Perpustakaan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- iv. Perpustakaan Negara Malaysia Kuala Lumpur.
- v. Perpustakaan Pusat Islam Malaysia Kuala Lumpur.

Manakala kajian lapangan pula, data diperolehi dengan cara mengkaji lokasi atau kawasan kajian. Di sini, beberapa metodologi digunakan dalam mengumpulkan data seperti:

---

<sup>8</sup> Othman Mohammad (2001), *Penulisan Tesis dalam Bidang Sains Sosial Terapan*, Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia, h. 26.

### **i. Metode Observasi**

Metode observasi ialah cara penelitian yang dapat menghasilkan pengetahuan yang sesuai dengan syarat-syarat penelitian ilmiah tanpa memerlukan banyak bayaran atau tenaga termasuklah pengalaman supaya ianya mempunyai hubungkait secara langsung semasa menjalankan kajian. Metode ini bertujuan untuk melengkapi data yang diperolehi.

Dalam hal ini, penulis telah berkunjung ke sekolah dan tempat pengkajian tersebut bagi mendapatkan matlumat mengenai kajian yang akan dilakukan dan melihat sendiri suasana tempat tersebut bagi memudahkan lagi pengkajian. Melalui kaedah ini penulis akan melihat bagaimana proses pembelajaran agama tersebut dijalankan dengan lebih jelas.

### **ii. Metode Dokumentasi**

Metode ini merupakan cara data dikumpulkan dengan mengkaji dokumen-dokumen sedia ada dan dokumen yang berkaitan dengan permasalahan kajian dokumen ini termasuklah gambar, peraturan, buku-buku, majalah, laman web, jurnal laporan dan lain-lain lagi. Penulis mengkaji segala dokumen yang diperolehi sama ada melalui pihak sekolah dan tempat-tempat pengajian atau tempat yang berkaitan sebagai panduan bagi mencari segala data yang berkaitan dengan pembelajaran agama di tempat tersebut.

### **iii. Metode Historis**

Metode historis juga dikenali metode persejarahan. Ia merupakan suatu proses untuk menentukan adanya pendapat yang tepat mengenai suatu kejadian yang mempunyai nilai sejarah. Maksud sejarah di sini adalah catatan tertentu mengenai kejadian masa lampau yang mempunyai nilai pendidikan.

### **iv. Metode Temu Bual**

Metode ini juga dikenali dengan metode wawancara yang merupakan suatu teknik atau cara mengumpulkan data dengan menemu bual pihak-pihak yang terbabit. Ia bertujuan untuk mendapatkan keterangan dan kenyataan secara lisan dari responden dengan mengemukakan pernyataan yang berkaitan dengan kajian tersebut. Bagi metode ini, semua maklumat yang diberi direkodkan dan dipaparkan kerana ia adalah data utama bagi kajian ini. Kaedah temu bual adalah antara penyumbang maklumat utama bagi metode observasi. Menurut Mohd Majid Konting, pengumpulan data secara temu bual sesuai digunakan untuk memperoleh maklumat yang lebih tepat dan lebih banyak.<sup>9</sup> Penggunaan teknik temu bual juga membolehkan pengkaji mengumpul pendapat, pemikiran, pandangan dan pengalaman dalam bentuk penyertaan daripada peserta kajian sendiri.<sup>10</sup>

Temu bual yang dilakukan adalah untuk mendapatkan data tentang proses pembelajaran dan permasalahan yang ada. Beberapa orang informen di sekolah dan

---

<sup>9</sup> Mohd Majid Konting (2004), *Kaedah Penyelidikan*, c. 6, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 21.

<sup>10</sup> Marohaini Yusuf (2001), Pengutipan dan Pengumpulan Data Perlakuan dan Proses Penulisan Karangan dalam Bilik Darjah. Dalam Marohaini (pnyt), *Penyelidikan Kualitatif : Pengalaman Kerja Lapangan*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, h. 109.

tempat pengajian yang berkenaan telah ditemui bual seperti pengasas pendidikan, guru dan beberapa orang yang berkaitan bagi mendapatkan maklumat yang lebih teratur mengenai tempat berkenaan.

#### v. Persampelan dan Responden Kajian

Persampelan adalah proses pemilihan ahli-ahli tertentu dalam satu-satu persampelan sebagai mewakili kumpulan.<sup>11</sup> Pemilihan sampel sangat penting untuk mendapatkan pernyataan yang umum. Oleh itu, pemilihan sampel atau responden hendaklah di pilih secara teliti. Persampelan yang digunakan adalah persampelan rawak mudah iaitu pengambilan unit-unit analisis secara bebas.<sup>12</sup>

#### 1.9.2 Metode Analisis Data

Sumber data boleh dibahagikan kepada dua jenis iaitu sumber primer dan sumber sekunder. Sumber primer adalah sumber yang ada kaitan langsung dengan keadaan yang dikaji termasuk temu bual, observasi, laporan, autobiografi, diari, fail, artifak, tesis, mesyuarat dan seumpamanya. Sumber sekunder pula ialah sumber yang ada perantara di antara keadaan atau pengalaman yang dikaji seperti ulasan, majalah dan buku-buku ilmuan.<sup>13</sup> Dalam kajian ini, kedua-dua sumber tersebut digunakan untuk mendapatkan data kajian.

---

<sup>11</sup> Kamarudin Ngah dan Roslim Md Azmir (1990), *Kaedah Penyelidikan: Panduan Mudah Kerja Luar*, Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd., h. 40.

<sup>12</sup> Sulaiman Masri (2003), *Kaedah Penyelidikan dan Panduan Penulisan (esei, proposal, tesis)*, Kuala Lumpur: Sanon Printing Corporation Sdn. Bhd., h. 35.

<sup>13</sup> Idris Awang (2001), *Kaedah Penyelidikan: Suatu Sorotan*, Kuala Lumpur: Intelmultimedia and Publication, h. 62.

Data adalah bahan mentah yang tidak memberi sebarang maklumat yang berguna mengenai suatu masalah yang dikaji kecuali ia dianalisis dengan menggunakan kaedah-kaedah tertentu seperti kaedah statistik dan sebagainya. Manakala analisis pula bermaksud aktiviti untuk memperolehi maklumat yang berguna daripada data mentah. Penganalisaan data melibatkan aktiviti manipulasi seperti mengatur, memilih, menggabung, dan menjadualkan.<sup>14</sup>

Apabila data yang diperlukan telah terkumpul melalui beberapa metode yang akan digunakan untuk membuat penilaian dan analisis secara rapi dan terperinci, tiga metode utama digunakan dalam proses menganalisis data.

**i. Metode Induktif**

Metode induktif merupakan satu cara untuk menganalisis data melalui pola berganti bagi mencari perhatian dari hal-hal yang bersifat khusus untuk merumuskan suatu kesimpulan yang berbentuk umum.

**ii. Metode Deduktif**

Kaedah ini merupakan suatu cara menghuraikan suatu maklumat dengan cara terperinci. Data-data yang bersifat umum dihuraikan dan dijelaskan secara khusus bagi mendapatkan hasil kajian yang tepat. Metode ini digunakan untuk memperincikan lagi maklumat yang berkaitan dengan pengajian agama di Desa Pulau Tengah.

---

<sup>14</sup> Mohd Majid Konting (2004), *op. cit.*, h. 309.

### **iii. Metode Komperatif**

Metode ini merupakan metode yang digunakan untuk membuat kesimpulan dengan melakukan perbandingan pada data-data yang telah diperolehi. Melalui metode ini, persamaan dan perbezaan perlu difahami sebelum mengkaji replikasi perbezaan yang ada.

## **1.10 SISTEMATIKA PENULISAN**

Penulisan ini disusun secara sistematik mengikut susunan sebuah tesis yang telah digariskan dalam buku panduan penulisan disertasi ijazah tinggi Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya 2006.<sup>15</sup> Penulisan ini telah dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu pendahuluan, teks dan tambahan. Setiap bahagian mengandungi beberapa pecahan kecil yang akan diterangkan di bawah ini.

### **Bahagian Pertama: Pendahuluan**

Bahagian pendahuluan mengandungi perkara berikut iaitu halaman hadapan, halaman judul, abstrak, penghargaan, isi kandungan, panduan transliterasi, senarai kependekan, senarai jadual dan senarai lampiran.

### **Bahagian Kedua: Teks**

Bahagian teks dalam tesis ini dibahagikan kepada beberapa pecahan kecil, di mana setiap pecahan itu dinamakan bab. Tesis ini mengandungi enam bab kesemuanya dan

---

<sup>15</sup> Panduan Penilisan Tesis (2006), Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, h. 11-16.

ianya saling berkait di antara satu bab dengan bab yang lain. Di bawah ini diuraikan kandungan bab-bab tersebut.

Bab pertama adalah pendahuluan. Dalam bab ini dikemukakan secara ringkas mengenai pengenalan kajian, latar belakang atau permasalahan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, definisi tajuk, kajian lepas, metodologi penelitian serta sistematika kajian.

Bab kedua menjelaskan tentang landasan teori yang menjadi asas penyelidikan meliputi pengertian pendidikan Islam yang merangkumi profil Kerinci, menjelaskan jenis-jenis pembelajaran, pandangan tentang konsep minat, kaedah pembelajaran, membahas masalah dalam pendidikan, menjelaskan tujuan dan matlamat pembelajaran.

Dalam bab ketiga dikemukakan tentang gambaran penumbuhan pendidikan Islam di Desa Koto Dian yang merupakan kawasan penyelidikan. Perbincangan ini meliputi sejarah perkembangan Desa Koto Dian, Sko (warisan), sejarah terbentuknya remaja Masjid Al-Mubarak, sejarah berdirinya Madrasah Tsanawiyah Negeri Koto Dian, sejarah berdirinya Madrasah Ibtidaiyah No. 10/E-3 Koto Dian, sejarah berdirinya Sekolah Dasar Negeri 80/III Koto Dian, sejarah terbentuknya Yasinan Ibu-ibu Musalla Nurul-Hidayah dan sejarah terbentuknya tempat pengajian Anak Nurul-hak Pulau Tengah.

Bab keempat menjelaskan tentang pendidikan formal. Pendidikan secara formal ialah pendidikan yang didapati langsung dari dalam sekolah yang terdiri dari Madrasah Tsanawiyah Negeri Koto Dian, Madrasah Ibtidaiyah No:10/ E-3 Koto Dian, Sekolah Dasar Negeri 80/III Koto Dian.

Bab kelima menjelaskan tentang pendidikan non-formal iaitu pembelajaran yang dianjurkan oleh masyarakat bagi melengkapi hasil pembelajaran sistem formal yang terdiri daripada pengajian remaja Masjid Al-Mubarak Desa Koto Dian, Yasinan Ibu-ibu Musalla Nurul-hidayah Desa Koto Dian dan Tempat Pengajian Anak Nurul-Hak Koto Dian.

Bab keenam menjelaskan kesimpulan bagi kajian yang telah dijalankan dan memberi cadangan kepada golongan yang terlibat dalam pembangunan pendidikan seperti kerajaan, ibubapa, guru-guru, masyarakat sekeliling dan juga para pelajar sendiri.

### **Bahagian Ketiga: Lampiran**

Dalam bahagian akhir tesis ini dimuatkan beberapa buah manuskrip tentang pelaksanaan pendidikan di Desa Koto Dian untuk dijadikan sebagai contoh dan gambar-gambar keadaan guru, murid dan lokasi pelaksanaan pendidikan Islam yang telah dibincangkan dalam bab tiga, empat dan lima.